

**TEKS PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-
OPERATIVE ORGANIZATION**

**PERASMIAN MAJLIS HARI ANUGERAH
KECEMERLANGAN SK LUBOK KULIT**

15 FEBRUARI 2023 (RABU)

10:00 PAGI

DEWAN TERBUKA, SK LUBOK KULIT

Bismillahirahmanirahim

Assalamualaikum Warrahmatullahi

Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam
Perpaduan

Terima Kasih Pengacara Majlis

[SALUTASI DISEDIAKAN URUS SETIA]

1. Terlebih dahulu saya
ingin mengucapkan ribuan terima

kasih kerana menjemput saya untuk merasmikan Majlis Anugerah Kecemerlangan Sesi 2022/2023 SK Lubok Kulit.

2. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak sekolah yang berjaya menganjurkan program ini sebagai acara tahunan bagi meraikan

pelajar-pelajar yang telah membuktikan kecemerlangan dalam bidang akademik. Syabas dan tahniah kepada pelajar-pelajar yang cemerlang.

Tuan-tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian

3. Hari ini, peranan pendidikan telah berubah. Murid-murid datang ke sekolah bukan sahaja untuk belajar tetapi untuk dididik sebagai pewaris negara agar menjadi modal insan berilmu dan berakhhlak mulia. Hal ini selari dengan salah satu **Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)**, iaitu meluaskan akses kepada

pendidikan berkualiti dan berkemampuan.

4. Dalam konteks ini, kita perlu bersedia untuk melakukan pembaharuan dan pemugaran dalam pendidikan melalui inovasi dasar dan strategi yang berterusan.

5. Pendidikan mestilah sentiasa dinamik dan progresif serta bersedia melalui proses perubahan dan pembaharuan seiring dengan peredaran zaman. Dengan kata lain, kita perlu melahirkan murid-murid yang cemerlang dan bijaksana iaitu mencapai standard kualiti untuk

melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam atau Swasta.

6. Sasaran membawa negara mencapai standard pendidikan berkualiti di peringkat antarabangsa perlu digalas semua pihak. Antara platform boleh diperkenalkan ialah koperasi sekolah. Walaupun koperasi

sekolah tidak ada di peringkat sekolah rendah, tetapi boleh diperkenalkan untuk pelajar-pelajar sertai di peringkat sekolah menengah.

7. Hal ini demikian, kerana koperasi sekolah mampu menjadi platform untuk memupuk perpaduan dan melahirkan pelajar-pelajar

berketerampilan tinggi dari segi sahsiah dan menyediakan kemahiran langsung pengurusan, keusahawanan dan perniagaan selaras Dasar Keusahawanan Negara yang mahu menjadikan negara keusahawanan menjelang 2030.

8. Benih-benih keusahawanan perlu dipupuk di peringkat awal lagi. Saya ingin berkongsi kejayaan koperasi sekolah. Pada tahun 2022, 14 buah koperasi sekolah berjaya mencatat perolehan melebihi RM1 juta. ANGKASA menyasarkan menjelang 2030, 50 koperasi sekolah berjaya

mencatat perolehan RM 1 juta atau lebih.

9. Untuk makluman, di Malaysia gerakan koperasi sekolah mantap dan kukuh serta mendapat sokongan padu KPM. Sehingga Jun 2022 (SKM) terdapat 2,473 koperasi sekolah berdaftar dengan keanggotaan

seramai 1.98 juta orang, modal syer/saham berjumlah RM29.45 juta, aset berjumlah RM414.5 juta dan menyumbang perolehan sebanyak RM211.61 juta.

Tuan-tuan/Puan-puan yang dihormati sekalian

10. Sebagai seorang pendidik, kita mesti sentiasa berusaha meningkatkan kualiti agar perkhidmatan pendidikan menjadi contoh. Seperti yang sedia maklum, murid-murid merupakan tiang negara dan bakal pemimpin negara. Jadi pengasuhan, bimbingan dan dorongan daripada peringkat awal lagi amat penting.

11. Pencapaian akademik sahaja tidak memadai. Malahan pembangunan dan perkembangan tinggi aspek keperibadian juga perlu diberi perhatian yang sama berat.

12. Saya percaya sambutan Majlis Anugerah Cemerlang selari dengan matlamat memberi dorongan dan

memotivasi kan Murid-murid agar terus berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam semua bidang. Semoga program seumpama ini, berterusan pada masa akan datang bukan sahaja untuk murid yang cemerlang tetapi juga yang kurang cemerlang tetapi ada peningkatan atau kemajuan.

13. Saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada murid-murid yang akan menerima hadiah atas pencapaian mereka dan diharapkan pencapaian kecemerlangan tersebut tidak berakhir di sini. Teruskanlah kecemerlangan sampai bila-bila.

14. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak sekolah kerana berjaya menganjurkan Majlis Anugerah Cemerlang ini.

Saya dengan lafaz
bismillahhirrahmannirahim **Merasmikan**

Majlis Anugerah Kecemerlangan SK Lubok Kulit Sesi 2022/2023.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah
wassalammualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan salam sejahtera.